

KERAJAAN NEGERI KELANTAN


PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN BILANGAN 5 TAHUN 2017

PELAKSANAAN KAEDAH KUTIPAN ROYALTI EMAS NEGERI KELANTAN

Pekeling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 1/2017 yang bersidang pada 04hb. Januari 2017 melalui Kertas Bil. 01/2017D 14 (72) telah membuat keputusan dan meluluskan kertas cadangan pelaksanaan kaedah kutipan royalti emas Negeri Kelantan.

2. Selaras dengan Peraturan-Peraturan Mineral (Pindaan) 2014 di dalam Jadual Pertama telah menetapkan kadar royalti bagi emas adalah sebanyak 10%. Sehubungan dengan itu Pihak Berkuasa Negeri telah menetapkan satu mekanisma pelaksanaan kutipan royalti emas melalui kaedah pembayaran royalti sebanyak lapan peratus (8%) secara tunai dan dua peratus (2%) dalam bentuk jongkong emas tulen ke atas mana-mana pemegang tenemen mineral.
3. Penetapan pelaksanaan kaedah pembayaran royalti berbentuk jongkong emas adalah sebagaimana berikut :-
 - 3.1. Dua peratus (2%) berasaskan Jongkong Emas Tulen (Emas 999.9)
 - 3.1.1. Dengan menggunakan kaedah pembayaran royalti lapan peratus (8%) secara tunai dan dua peratus (2%) dalam bentuk jongkong emas tulen (999.9) yang telah siap diproses oleh pemegang suatu tenemen mineral mengikut nilai emas semasa.
 - 3.1.2. Jongkong emas tulen (999.9) beserta sijil perakuan akan diuruskan oleh pemegang suatu tenemen mineral dan dikemukakan ke Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan bersama jumlah wang tunai lapan peratus (8%) setiap bulan.

4. Pekeliling ini hendaklah berkuatkuasa serta-merta dan selaras dengan itu Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan pemakaian pekeliling ini.


.....
DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD D.P.S.K (Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN.

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Ustaz Dato' Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3 KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU, KELANTAN**

**BERTARIKH : 08HB. MEI 2017
NO. FAIL : PTG.KN.4/1/43(4)**